

Kepelbagaian Strategi Perjuangan Dong Jiao Zong Dalam Pemeliharaan Pendidikan Cina Di Malaysia

Dong Jiao Zong's Diversity Of Struggle Strategy In The Preservation Of Chinese Education In Malaysia

Ng Chan Chai¹, Nor Azlili Hassan²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
9 DISEMBER 2020	9 MAC 2021	20 MEI 2021

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji peranan Dong Jiao Zong dalam mengekalkan pendidikan Cina di negara ini. Sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan yang terdiri daripada gabungan dua buah organisasi, Dong Jiao Zong telah lama bertapak di Malaysia. Kajian ini penting untuk mengetahui sejauh manakah Dong Jiao Zong memainkan peranannya dengan berkesan dalam mengekalkan kewujudan melalui aspek strategi perjuangannya. Peranan Dong Jiao Zong dikaji dan diukur melalui perubahan kepelbagaian strategi perjuangannya. Kaedah kajian adalah gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan analisis dokumentasi seperti temu bual dan juga soal selidik ke atas dua ratus pekerja Dong Jiao Zong sebagai kaedah mengumpul data. Data dianalisis berdasarkan analisis kandungan secara sistematik dan analisis statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan perubahan kepelbagaian strategi perjuangan dilakukan oleh Dong Jiao Zong untuk mencapai matlamatnya kerana terpaksa mengadaptasikan organisasinya dengan persekitaran yang tidak menentu. Ringkasnya, berdasarkan kepelbagaian strategi perjuangannya, Dong Jiao Zong didapati masih berkesan dalam pencapaian matlamatnya iaitu mengekalkan pendidikan Cina di Malaysia.

Kata Kunci: Strategi Perjuangan, Dong Jiao Zong, Pendidikan, Pendidikan Cina, Malaysia

ABSTRACT

The study examined Dong Jiao Zong's role in maintaining Chinese education in the country. As a non-governmental organization that comprising a combination of two organizations, Dong Jiao Zong has been in Malaysia for a long time. This study is important to know the extent of Dong Jiao Zong has effectively played its role in maintaining its existence through the strategic aspects of its struggle. Dong Jiao Zong's role is reviewed and measured through changing the diversity of its struggle strategy. The methodology is a combination of qualitative and quantitative methods using documentation analysis such as interviews and questionnaires on two hundred Dong Jiao Zong employees as a method of data collection. Data analysis involves a systematic content analysis and descriptive statistical analysis. The findings showed that the diversity of the struggle strategy conducted by Dong Jiao Zong to achieve its goal as it was forced to adapt its organization to an uncertain environment. In short, based on the diversity of its struggle strategy, Dong Jiao Zong was found to be still effective in achieving its goal of maintaining Chinese education in Malaysia.

Keywords: Struggle strategy, Dong Jiao Zong, Education, Chinese education, Malaysia

¹ Ng Chan Chai, PhD, Department of General Studies, Faculty of Creative Industries, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), ngcc@utar.edu.my.

² Nor Azlili Hassan, PhD, Department of General Studies, Faculty of Creative Industries, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), azlili@utar.edu.my.

Pengenalan

Persekitaran adalah begitu mencabar dan mengubah corak persaingan semasa sesuatu organisasi. Banyak organisasi yang tidak berupaya menghadapi perubahan ini akan menutup operasi. Hanya yang berjaya mengadaptasi dengan perubahan persekitaran akan terus kekal dan berjaya. Maka, pemimpin-pemimpin perlu memikirkan kaedah terbaik untuk menganalisis persekitaran luaran, menilai kekuatan dan kelemahan semasa, mengenal pasti peluang yang boleh diambil, mengelak ancaman yang bakal timbul dan seterusnya mencari jalan untuk memperoleh kelebihan persaingan dalam organisasi. Dengan ini, bidang perubahan strategi perjuangan memainkan peranan yang penting dalam perancangan jangka panjang organisasi. Pengurusan strategi perjuangan memainkan peranan penting kerana ia digunakan semasa pemimpin membuat keputusan strategi organisasi. Kajian Rhyne 1986 mendapati 69% organisasi menggunakan perancangan strategi untuk menghadapi persaingan persaingan semasa. Manakala sebanyak 85% mengakui bahawa perancangan yang dijalankan oleh mereka adalah berkesan. Dalam konteks Dong Jiao Zong, pengurusan strategi perjuangan memang memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan matlamat organisasinya. Misalnya dalam Pilihan Raya Umum, Dong Jiao Zong melihat gerak kerja jentera pilihan raya sesebuah parti politik yang bertanding sebelum menentukan pilihan mereka dengan lebih tepat lagi mempengaruhi komuniti Cina untuk membuat pilihan mereka. Oleh itu, pelbagai strategi perjuangan dicuba dan akhirnya Dong Jiao Zong menemui strategi yang paling sesuai dan berkesan dalam merealisasikan pencapaian matlamatnya. Dalam kajian ini, pengkaji akan meneliti perubahan kepelbagaian strategi perjuangan Dong Jiao Zong dan impaknya terhadap peranannya dalam pengekalan pendidikan Cina sejak penubuhannya pada tahun 1950-an sehingga ke masa kini.

Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif untuk meninjau perubahan strategi perjuangan Dong Jiao Zong dalam mempengaruhi peranan organisasi Dong Jiao Zong dalam mengekalkan pendidikan Cina.

Untuk memperoleh maklumat yang diperlukan, pengkaji mengutamakan kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan analisis dokumen, buku-buku, dan rekod-rekod yang berkaitan dengan usaha Dong Jiao Zong dalam pengekalan pendidikan Cina. Tokok-tokoh yang ditemu bual adalah Dr. Yap Sin Tian, selaku pengerusi Dong Zong, En. Ong Chiow Chuen, selaku pengerusi Jiao Zong, En. Quek Suan Hiang, bekas pengerusi Dong Zong, Dr. Kua Kia Soong, bekas penolong kanan Dong Zong dan bekas pengetua Kolej New Era, En. Loot Ting Yee, bekas pengerusi Jiao Zong En. Bock Tai Hee, bekas ketua eksekutif Dong Zong, En. Chong Wei Chien, penolong kanan pengerusi Dong Zong, Dato Hon Choon Kim, bekas Timbalan Menteri Pendidikan, pensyarah kanan Universiti Malaya, Dr. Chia Hwee Ping, bekas pensyarah kanan Universiti Malaya, dan bekas pensyarah kanan Universiti Malaya, En. Wong Khek Seng. Pemerhatian telah dilakukan di Bangunan Dong Jiao Zong, Kajang, Selangor dan juga Sekolah-sekolah Persendirian Cina. Dokumen-dokumen yang dianalisis adalah sumber primer diperolehi daripada pusat sumber Dong Zong. Pengkaji juga mengambil manfaat dari pengalaman sendiri sebagai seorang guru dalam sekolah persendirian Cina. Selain itu, untuk memperoleh sumber primer tentang peranan Dong Jiao Zong, bahan-bahan simpanan dalam bilik sumber Dong Jiao Zong seperti yang digunapakai. Untuk mengatasi masalah pandangan yang berat sebelah, penelitian terhadap akta, laporan, perangkaan, pelan pembangunan pendidikan dan surat pekeliling Kementerian Pendidikan banyak dilakukan agar dapat menjustifikasikan masalah yang dihadapi oleh pendidikan Cina. Laporan-laporan parlimen

turut diteliti dan dianalisis agar situasi dan pendirian sebenar seseorang pemimpin atas isu pendidikan lebih dapat difahami. Di samping itu, keratan-keratan berita dari akhbar-akhbar tempatan pelbagai bahasa dijadikan sumber yang penting dalam penulisan artikel ini untuk mengelakkan pentafsiran yang bias tentang sesuatu isu, kerana akhbar yang berlainan bahasa selalunya memaparkan pandangan masyarakat kaum yang berlainan.

Demi mendapatkan maklumat secara langsung daripada tokoh-tokoh yang terbabit dalam gerakan pendidikan Cina yang mungkin tidak tercatat dalam mana-mana sumber, pengkaji sangat mementingkan kaedah temu bual. Tujuannya ialah untuk mengisi runag kekosongan atau fakta yang tiada dalam dokumen dan mengukuhkan maklumat yang diperolehi melalui kaedah kajian yang lain. Di sini, pengkaji memilih kaedah temu bual tidak berstruktur atas sebab maklumat yang ingin diperolehi itu memerlukan pandangan yang khusus, tanggapan responden atas perkara-perkara yang subjektif dan penjelasan yang teliti tentang proses perbalahan sesuatu isu pendidikan serta juga peranan Dong Jiao Zong dalam menangani isu pendidikan tersebut. Selain pemimpin-pemimpin Dong Jiao Zong dan tokoh-tokoh gerakan pendidikan Cina,³ temu bual secara bersemuka juga dijalankan kepada tokoh-tokoh daripada pelbagai institusi dan lapisan agar dapat memberikan situasi sebenar pandangan menyeluruh masyarakat. Antara mereka termasuk aktivis-aktivis pendidikan dari pelbagai lapisan, pemimpin pertubuhan Cina, ahli akademik, tokoh pendidik daripada pelbagai jenis institusi pendidikan dan pemimpin politik pusat dan tempatan.⁴

Kaedah pemerhatian tanpa turut serta dilakukan juga oleh pengkaji agar mendapat pandangan yang lebih jitu tentang peranan Dong Jiao Zong dalam pendidikan Cina. Untuk mengelakkan pentafsiran yang bias, setakat yang mampu, pengkaji berperanan sebagai pemerhati luar ketika menghadiri aktiviti-aktiviti ceramah, seminar, perjumpaan dan aktiviti-aktiviti lain yang dikendalikan oleh Dong Jiao Zong. Penulis juga membuat tinjauan ke bangunan Dong Jiao Zong, pusat Dong Zong dan Jiao Zong, Kolej Universiti New Era, Kolej Universiti Selatan, Kolej Universiti Hanchiang, sekolah-sekolah persendirian Cina, sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah kebangsaan di bandar dan luar bandar agar dapat melihat situasi sebenar dan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh mereka. Dengan ini, melalui pengamatan pelbagai kaedah pengumpulan maklumat ini, diharapkan maklumat yang diperolehi itu mempunyai reliabiliti yang tinggi supaya menghasilkan artikel yang bermutu.

Kepelbagaian Strategi Perjuangan Dong Jiao Zong

Dong Jiao Zong pernah mencuba untuk meningkatkan keberkesanan perjuangannya melalui pelbagai strategi perjuangannya. Antaranya termasuklah strategi perjuangan bekerjasama iaitu bekerjasama dengan rakan sekutu seperti parti-parti politik. Seterusnya adalah strategi perjuangan menyertai politik, seperti memperoleh kerjasama dengan persatuan-persatuan Cina dan komuniti Cina agar lebih mudah mendapat kejayaan. Misalnya, menjelang Pilihan Raya Umum 1982, wakil-wakil Dong Jiao Zong dihantar untuk menyertai Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) agar menguatkan kuasa tuntutan melalui dalaman. Pada Pilihan Raya Umum 1990, aktivis pendidikan Cina pula menyertai Democratic Action Party (DAP) agar menguatkan tenaga barisan pembangkang. Selain itu, Dong Jiao Zong juga kerap mengamalkan strategi menekan, iaitu mengemukakan Perisytiharan Bersama Pertubuhan Cina Malaysia 1985 dan Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) 1999 bersama Persatuan-

³ Temu bual dengan Dr. Yap Sin Tian, selaku pengerusi Dong Zong pada 18 Januari, 2011.

⁴ Temu bual dengan En. Bock Tai Hee, bekas ketua eksekutif Dong Zong pada 13 Oktober, 2011 (Rabu, 9.30am), 4 Mac, 2011 (Jumaat, 9.30am) dan 4 Mei 2015 (Isnin, 10 pagi).

Persatuan Cina (Huatuan) dan komuniti Cina agar kerajaan mengambil berat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh komuniti Cina. Perubahan strategi perjuangan yang pelbagai adalah disebabkan oleh persekitaran politik yang tidak menentu. Disebabkan situasi politik dan dasar-dasar kerajaan yang berlainan, Dong Jiao Zong terpaksa mengubahsuai strategi perjuangannya agar dapat memainkan peranannya dalam menjaga kepentingan pendidikan Cina di negara ini.⁵

Sepanjang tahun 1960-an dan 1970-an, Dong Jiao Zong bertindak sebagai sebuah kumpulan pendesak untuk mempertahankan pendidikan Cina di negara ini. Dalam proses ini, Dong Jiao Zong cuba memobilisasikan sokongan komuniti Cina terhadap usul-usul perjuangannya, khususnya daripada pertubuhan-pertubuhan Cina. Sokongan ini dianggap oleh Dong Jiao Zong sebagai memberikan kewibawaan dan kesahihan terhadap perjuangannya. Desakan dan tuntutan ini menjadi satu bentuk tekanan kepada parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina yang memperjuangkan kepentingan komuniti Cina. Pada tahun 1950-an, Dong Jiao Zong dan Malaysian Chinese Association (MCA) telah bekerjasama untuk mempertahankan pendidikan Cina menerusi Jawatankuasa Pusat Pendidikan MCA. Justeru itu, desakan dan tuntutan Dong Jiao Zong dalam isu bahasa dan pendidikan dapat disalurkan secara terus ke dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar kerajaan. Walau bagaimanapun, memandangkan hubungan antara Dong Jiao Zong dan MCA menjadi semakin renggang mulai tahun 1960-an, maka Dong Jiao Zong kehilangan satu saluran perjuangan politik yang berkesan. Oleh itu, desakan dan tuntutan Dong Jiao Zong pada tahun 1960-an diketepikan oleh kerajaan. Hal yang demikian menyebabkan peranannya menghadapi kebuntuan.⁶

Pada tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an, atas fenomena kebangkitan kesedaran etnik Cina dan perubahan senario politik semasa, perjuangan Dong Jiao Zong bangkit semula. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah kumpulan pendesak, perjuangan Dong Jiao Zong tetap menghadapi keterbatasan. Meskipun dalam beberapa isu seperti isu Gerakan Pemulihan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina, isu Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961, isu 3M,⁷ dan isu penubuhan Universiti Merdeka, perjuangan Dong Jiao Zong disokong oleh parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina. Namun pada hakikatnya Dong Jiao Zong hanya dapat mendesak dan menuntut dari luar dan tidak mampu mempengaruhi secara terus proses penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dan cara ini tetap mengongkong perjuangannya. Lebih-lebih lagi, sokongan parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina terhadap usul-usul perjuangan Dong Jiao Zong kadangkala diselubungi oleh kepentingan politik parti dan sukar diselaraskan dengan misi perjuangan Dong Jiao Zong yang sebenar.⁸

Dua strategi politik yang saling berkait dan saling melengkapi telah dirancang oleh Dong Jiao Zong untuk memperluas skop serta mempertingkatkan keberkesanan perjuangan politiknya dalam pengendalian pendidikan Cina di negara ini. Strategi pertama membabitkan percubaan Dong Jiao Zong untuk mewujudkan pakatan politik dengan empat buah parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina, iaitu MCA, GERAKAN, DAP dan Sarawak United People's Party (SUPP). Di samping menyatupadukan semua pertubuhan Cina di negara ini agar dengan terjalannya Tiga Gabungan Utama ini, perpaduan dalam kalangan orang Cina dapat

⁵ Temu bual dengan En. Bock Tai Hee, bekas ketua eksekutif Dong Zong pada 13 Oktober, 2011 (Rabu, 9.30am).

⁶ Temu bual dengan Encik Loot Ting Yee, bekas pengerusi Jiao Zong pada 29 September, 2010.

⁷ 3M ialah polisi membaca, mengira dan menulis yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1980-an.

⁸ Temu bual dengan Encik Loot Ting Yee, bekas pengerusi Jiao Zong pada 29 September, 2010.

dipupuk⁹. Hal ini dijangka akan memperkukuh perjuangan Dong Jiao Zong. Sebenarnya, strategi ini dicituskan berikutan sokongan parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina yang begitu memberangsangkan semasa Dong Jiao Zong memperjuangkan isu 3M. Walau bagaimanapun, adalah mustahil sekiranya pemimpin-pemimpin Dong Jiao Zong menganggap bahawa mereka dapat menyatupadukan politik orang Cina yang sekian lama telah berpecah belah mengikut ideologi perjuangan dan kepentingan politik yang begitu berbeza. Tambahan pula pemimpin-pemimpin Dong Jiao Zong pada masa tersebut tidak menyedari hakikat bahawa meskipun perjuangan mereka disokong oleh parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina pada tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an, namun sokongan politik ini sebahagian besarnya adalah untuk mempertahankan kepentingan diri parti-parti politik ini. Sesungguhnya, antara parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina ini, berlaku satu fenomena permainan politik yang begitu sengit. Parti politik ini masing-masing cuba bersaing antara satu sama lain untuk menonjolkan imej sebagai pejuang komuniti Cina. Jelas bahawa kemungkinan isu-isu yang dibangkitkan oleh Dong Jiao Zong diperalatkan oleh parti-parti politik berasaskan komuniti Cina untuk tujuan politik parti semata-mata. Berasaskan hakikat ini, sebarang kerjasama politik yang bermakna agak sukar dicapai¹⁰.

Strategi yang kedua ialah Dong Jiao Zong menceburi arena politik secara tidak langsung bagi memperkukuhkannya untuk mempertahankan pendidikan Cina. Pada awal tahun 1980-an, Dong Jiao Zong menyokong beberapa orang pendidik Cina memasuki salah sebuah parti komponen politik dalam kerajaan Barisan Nasional. Tujuannya ialah agar pendidik-pendidik Cina ini dapat memelihara kepentingan Dong Jiao Zong dari dalam Barisan Nasional. Bagi Dong Jiao Zong, selain mempunyai saluran perjuangan politik sendiri yang membolehkan pandangan-pandangannya dikemukakan secara terus kepada kerajaan, strategi baru ini juga diharapkan dapat menggembelngkan kuasa politik orang Cina dalam kerajaan dan di luar kerajaan bagi mencapai tujuan pakatan politik Gabungan Tiga Utama. Kedua-dua strategi baru ini memperlihatkan perubahan yang ketara dalam paradigma peranan Dong Jiao Zong dalam pencapaian matlamatnya. Secara asasnya, kedua-dua strategi baru ini bertujuan untuk mengatasi keterbatasan peranan Dong Jiao Zong sebagai kumpulan pendesak semata-mata. Pada masa yang sama ialah untuk menyatupadukan kuasa politik orang Cina bagi memperkukuh misinya mengekalkan bahasa, identiti dan budaya Cina melalui mempertahankan pendidikan Cina di negara ini.¹¹

Konsep Tiga Gabungan Utama (Pakatan Bertiga)

Seruan untuk memupuk pakatan politik orang Cina buat pertama kalinya diutarakan dalam Mesyuarat Perhubungan Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Negeri ke-14 yang diadakan di Sungai Petani pada 12 April 1982. Antara usul-usul yang diluluskan dalam mesyuarat ini ialah:

“Mesyuarat ini menyeru komuniti Cina agar mengambil berat tentang perkembangan politik dalam negara ini, dan dalam bidang masing-masing, memberi bantuan dan dorongan agar perpaduan dalam komuniti Cina dapat dicapai dan direalisasikan dalam masa yang singkat demi mendukung kebajikan keseluruhan komuniti Cina”¹².

⁹ Temu bual dengan Dr. Yap Sin Tian, selaku pengerusi Dong Zong, pada 18 Januari, 2011.

¹⁰ Temu bual dengan Bock Tai Hin pada 13 Oktober 2011.

¹¹ Temu bual dengan Dr. Yap Sin Tian, selaku pengerusi Dong Zong, pada 18 Januari, 2011.

¹² Dong Zong Chuban Zu, 1987, Jilid II: 322

Bertitik tolak daripada usul ini, Dong Jiao Zong mula mengambil inisiatif untuk menjalin kerjasama politik dengan parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina dan pertubuhan-pertubuhan Cina menerusi konsep Tiga Gabungan Utama (Pakatan Bertiga). Sebenarnya, konsep ini dipelopori oleh Timbalan Pengerusi Jiao Zong pada masa itu, Loot Ting Yee. Turut menyokong konsep ini ialah Pengerusi Dong Zong pada masa itu, Lim Fong Seng. Lima alasan dikemukakan oleh Loot Ting Yee untuk menjustifikasikan kerjasama politik mengikut konsep Tiga Gabungan Utama¹³. Pertama, menyatupadukan orang Cina atas desakan semasa. Kedua, memastikan agar kepentingan bangsa dan negara mengatasi kepentingan diri dan parti. Ketiga, mencapai kesamaan menyelesaikan segala perselisihan faham politik yang sedia ada. Keempat, memupuk perasaan hormat-menghormati antara parti-parti politik. Kelima, memupuk semangat kerjasama dan demokrasi. Loot menegaskan bahawa konsep Tiga Gabungan Utama ini dapat membantu pencapaian matlamat Dong Jiao Zong pada masa tersebut.

Meskipun antara alasan-alasan di atas termasuk juga alasan yang menyentuh tentang kepentingan negara, namun pakatan politik ini lebih merupakan satu usaha untuk menyatupadukan kuasa politik orang Cina dengan tujuan terselindung untuk menentang dominasi politik orang Melayu agar kepentingan orang Cina dapat dipertahankan dengan lebih berkesan lagi. Nyata sekali, usaha untuk memupuk pakatan politik ini didorong oleh kebangkitan kesedaran etnik Cina untuk menentang dominasi politik Melayu. Namun begitu, pemimpin-pemimpin Dong Jiao Zong mengharapkan pakatan politik ini dapat merealisasikan kerjasama dan perpaduan politik dalam kalangan orang Cina. Tujuannya adalah agar desakan dan tuntutan daripada pertubuhan-pertubuhan Cina serta parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina di luar kerajaan dapat disambut baik oleh parti-parti politik tersebut dalam kerajaan dan seterusnya dibawa ke meja rundingan. Dari segi teori, strategi serampang dua mata ini sememangnya dapat memperluaskan skop dan dimensi kerjasama politik dalam kalangan orang Cina demi memperkukuh peranan Dong Jiao Zong untuk mempertahankan kepentingan pendidikan Cina di negara ini. Namun, dari segi praktiknya, pakatan politik ini bukan sesuatu yang mudah dicapai memandangkan pihak-pihak terlibat memperlihatkan kepentingan dan ideologi perjuangan politik yang begitu berbeza, khususnya antara parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina dalam kerajaan dan di luar kerajaan. Umpamanya, penglibatan Dong Jiao Zong dalam politik membangkitkan reaksi yang berbelah bahagi dalam kalangan parti politik ini.¹⁴

Sejajar dengan tujuan untuk mencapai Tiga Gabungan Utama, Dong Jiao Zong mula memikirkan bentuk penglibatan politik yang lebih sesuai dan berkesan bagi dirinya. Beberapa alternatif dipertimbangkan oleh Dong Jiao Zong. Terdapat cadangan supaya Dong Jiao Zong menubuhkan sebuah parti politik sendiri. Terdapat juga cadangan lain supaya Dong Jiao Zong menganggotai parti politik tertentu yang sedia ada. Dong Jiao Zong membuat keputusan untuk memilih parti GERAKAN sebagai saluran perjuangan politiknya. Walau bagaimanapun, penglibatan Dong Jiao Zong dalam parti GERAKAN dipertikaikan oleh parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina yang lain. Hal yang demikian menjejaskan usaha untuk merealisasikan konsep Tiga Gabungan Utama. Ironinya, inisiatif Dong Jiao Zong untuk mewujudkan pakatan politik orang Cina mendatangkan kesan yang sebaliknya, iaitu menambahkan perselisihan faham dan persaingan politik antara parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina (Dong Zong Chuban Zu, 1987, Jilid II: 441-442). Umpamanya, pemimpin-pemimpin MCA tidak begitu ghairah untuk menyokong pakatan politik ini kerana

¹³ Temu bual dengan Encik Loot Ting Yee, bekas pengerusi Jiao Zong pada 29 September, 2010.

¹⁴ Temu bual dengan Bock Tai Hin pada 13 Oktober 2011.

mereka berpendirian bahawa komuniti Cina sepatutnya bersatu padu di bawah naungan pucuk pimpinan MCA. Nyata sekali, MCA mahu parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina yang lain akur dengan kedudukan dan kewibawaan politiknya sebagai parti politik utama dalam kerajaan yang memperjuangkan kepentingan komuniti Cina. Di samping itu, kerjasama politik antara MCA dengan parti-parti politik pembangkang berasaskan sokongan komuniti Cina seperti DAP dan pertubuhan-pertubuhan Cina seperti Dong Jiao Zong juga mustahil berlaku. Hal yang demikian kerana akan menimbulkan kesangsian UMNO yang sering mengecam perjuangan DAP dan Dong Jiao Zong sebagai bersifat cauvinistik.

Di pihak lain pula, pemimpin-pemimpin DAP membangkang secara terbuka konsep Tiga Gabungan Utama. Mereka mendakwa konsep ini sebagai satu muslihat yang dirancang oleh Dong Jiao Zong, MCA, dan GERAKAN untuk menentang serta menumpaskan DAP (Dong Zong Chuban Zu, 1987, Jilid II: 442-443). Reaksi ini selain disebabkan oleh kurang keyakinan DAP terhadap kerjasama politik ini, juga disebabkan oleh keputusan Dong Jiao Zong untuk memilih GERAKAN dan bukannya DAP sebagai rakan seperjuangan politiknya. Sebagai sebuah badan yang memperjuangkan kepentingan pendidikan Cina di negara ini, Dong Jiao Zong sememangnya menjadi aset politik kepada mana-mana parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina. DAP yang selama ini menjalin hubungan yang rapat dengan Dong Jiao Zong dan menyokong isu-isu pendidikan Cina sememangnya mengharapkan sokongan daripada Dong Jiao Zong (Chandra Muzaffar, 1982:91). Justeru, apabila Dong Jiao Zong memilih untuk mencapai matlamatnya menerusi GERAKAN, DAP berasa seolah-olah dikhianati. Sesungguhnya, tanpa sokongan MCA dan DAP, iaitu dua buah parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina yang penting di negara ini, usaha Dong Jiao Zong untuk menyatupadukan kuasa politik orang Cina telah gagal. Kegagalan konsep Tiga Gabungan Utama ini secara tidak langsung mencerminkan keadaan politik orang Cina yang begitu rumit dan diselubungi oleh kepentingan yang berbeza-beza serta persaingan politik yang begitu sengit antara parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina. Fenomena ini bersesuaian dengan hakikat bahawa komuniti Cina lebih rencam dengan ideologi dan perjuangan yang berbeza-beza, dan bukan bersifat homogen. Jelas bahawa kepentingan politik parti mengatasi kepentingan pendidikan Cina itu sendiri. Walau bagaimanapun, di pihak lain pula, penglibatan Dong Jiao Zong dalam GERAKAN telah membuka satu lembaran baru dalam sejarah perjuangan politiknya untuk mempertahankan pendidikan Cina di negara ini.

Strategi Melibatkan Diri Dalam Politik

Meskipun penglibatan Dong Jiao Zong dalam politik GERAKAN tidak disenangi oleh parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina yang lain, namun keputusan ini bukan dibuat secara terburu-buru. Malahan, keputusan ini merupakan satu alternatif perjuangan yang telah lama dipertimbangkan oleh Dong Jiao Zong. Menurut Foo Wan Thok, bekas pengerusi Dong Zong, (21 Jun 1993), hasrat untuk menceburi arena politik telah lama dibincangkan oleh pendidik-pendidik Cina. Namun mereka tidak dapat mencapai satu ketetapan yang muktamad untuk merealisasikan hasrat ini. Menurut Foo (22 Jun 1993), hasrat ini dicetuskan semula oleh dua perkara. Pertama, pelaksanaan sistem 3M yang didakwa oleh Dong Jiao Zong sebagai satu muslihat kerajaan untuk menukarkan ciri-ciri SJK(C). Kedua, keterbatasan perjuangan yang dihadapi oleh Dong Jiao Zong sebagai kumpulan pendesak yang selama ini tidak mendatangkan kejayaan yang besar. Dong Jiao Zong menyedari hakikat bahawa sebarang dasar yang dibawa ke Parlimen tetap akan diluluskan. Maka untuk memastikan keberkesanan tuntutan, adalah penting bahawa tuntutan ini dikemukakan semasa dasar itu masih dalam proses penggubalan lagi (Foo Wan Thok, 23 Jun 1993). Hal ini hanya boleh dicapai sekiranya Dong Jiao Zong menceburi arena politik negara ini dan terlibat secara langsung dalam proses

penggubalan dasar dan bukan semata-mata mendesak dan menuntut menerusi parti-parti politik lain.

Menjelang Pilihan Raya 1982, Dong Jiao Zong membuat keputusan muktamad untuk menceburi arena politik negara ini. Pada masa itu, isu 3M yang dibangkitkan oleh Dong Jiao Zong sedang hangat dibincangkan dalam kalangan komuniti Cina. Bagi Dong Jiao Zong, pilihan raya ini boleh digunakan sebagai kayu pengukur untuk meninjau tahap sokongan komuniti Cina terhadap penglibatan mereka dalam arena politik. Walau bagaimanapun, keputusan Dong Jiao Zong untuk menceburi arena politik telah membangkitkan beberapa pendapat yang berbeza dalam kalangan pendidik Cina. Umpamanya, pendidik-pendidik Cina di negeri Perak mencadangkan enam alternatif kepada Dong Jiao Zong (Foo Wan Thok, 22 Jun 1993). Pertama, kekal sebagai pertubuhan Cina di luar kerajaan; kedua, menubuhkan sebuah parti politik sendiri; ketiga, MCA; keempat, DAP; kelima, Parti Keadilan Masyarakat (PEKEMAS); dan keenam, menyertai GERAKAN. Di samping itu, Dong Jiao Zong juga menghadapi dua dilema dalam usahanya untuk menceburi arena politik. Pertama, sama ada penglibatan politik ini melibatkan Dong Jiao Zong secara keseluruhannya atau persendirian menerusi pemimpin-pemimpin tertentu sahaja, dan kedua, sama ada memasuki parti politik pembangkang atau parti politik dalam kerajaan.

Akhirnya, Dong Jiao Zong membuat keputusan bahawa hanya pemimpin-pemimpin tertentu sahaja yang akan menceburi arena politik. Mereka ini terpaksa meletakkan semua jawatan dalam Dong Jiao Zong dan bertanding sebagai pendidik-pendidik Cina. Seramai 18 orang pendidik Cina yang diketuai oleh tokoh pendidik Cina, Kerk Choo Ting, menganggotai GERAKAN. Keputusan ini dibuat setelah beberapa siri rundingan dan perbincangan dengan GERAKAN dilakukan. Keputusan Dong Jiao Zong untuk tidak menceburi arena politik secara langsung dan sebaliknya menaja beberapa orang pendidik Cina memasuki GERAKAN merupakan satu percaturan politik yang disokong oleh komuniti Cina pada masa itu¹⁵. Selain kekal sebagai sebuah kumpulan pendesak yang bebas menuntut terhadap isu-isu pendidikan Cina, pendidik-pendidik Cina yang mewakili Dong Jiao Zong dalam parti politik kerajaan juga dapat memastikan agar desakan dan tuntutan Dong Jiao Zong disalurkan ke dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar. Hal ini merupakan satu strategi yang bersifat serampang dua mata. Keputusan pendidik-pendidik Cina untuk memilih GERAKAN adalah atas alasan bahawa parti ini merestui dan mendukung beberapa usul perjuangan mereka (Cheah See Kian, 1984: 435). Pertama, mempertahankan pengekalan ciri-ciri SJK(C); kedua, menyokong pendirian Dong Jiao Zong terhadap isu 3M; ketiga, memperjuangkan kedudukan yang saksama untuk semua jenis aliran sekolah swasta; keempat, menggalakkan pelbagai aliran yang diasaskan oleh komuniti; kelima, menyokong konsep kepelbagaian budaya; dan keenam, menyokong pemansuhan Fasal 21(2) Akta Pelajaran 1961.

Sungguhpun keenam-enam alasan di atas boleh dikatakan rasional, namun satu perkara juga turut menyumbang kepada pemilihan GERAKAN sebagai saluran perjuangan politik Dong Jiao Zong. Sebenarnya, Dong Jiao Zong telah berbincang dengan MCA dan DAP sebelum membuat keputusan untuk menyertai GERAKAN (Foo Wan Thok, 22 Jun 1993). Meskipun MCA mencadangkan agar Dong Jiao Zong menyertai MCA, namun tidak memberi sebarang janji untuk menyokong asas-asas perjuangan Dong Jiao Zong. DAP pula mahu Dong Jiao Zong kekal memainkan peranannya sebagai kumpulan pendesak. Setelah mempertimbangkan pendirian MCA dan DAP, akhirnya Dong Jiao Zong memilih GERAKAN.

¹⁵ Sokongan komuniti Cina terhadap strategi ini dapat dibuktikan melalui sokongan undi mereka terhadap dua tokoh Dong Jiao Zong yang dihantar menceburi arena politik pada Pilihanraya 1982.

Ini kerana GERAKAN sudah menerima asas-asas perjuangan mereka. Pada 31 Mac 1982, lapan orang pendidik Cina menyertai GERAKAN dan diikuti pula seramai lapan orang lagi pada 4 April 1982. Mereka ini menyertai GERAKAN atas nama sendiri. Antara pendidik-pendidik Cina ini termasuklah orang yang kenamaan seperti Kerk Choo Ting, Koh Tsu Koon, Ong Ting Kin, dan Kang Chin Seng. Keempat-empat tokoh pendidik Cina ini digelar oleh komuniti Cina sebagai “Four Gentlemen”. Kerk Choo Ting dan Koh Tsu Koon kemudiannya berpeluang bertanding sebagai calon GERAKAN dalam pilihan raya 1982.

GERAKAN yang pada asalnya lebih menumpukan perhatian kepada orang Cina yang berlatarbelakangkan pendidikan Inggeris menyedari hakikat bahawa masa depannya lebih bergantung pada golongan Cina yang memperoleh pendidikan Cina. Dengan ini, GERAKAN perlu bersaing dengan MCA untuk menonjolkan ciri-ciri kecinaannya. Hal ini merupakan satu daripada sebab utama GERAKAN menerima masuk pendidik-pendidik Cina ke dalam parti. Sesungguhnya, dengan memilih GERAKAN yang merupakan sebuah parti politik komponen dalam kerajaan, jelas bahawa pendidik-pendidik Cina menyedari hakikat bahawa adalah lebih berkesan sekiranya kepentingan mereka dipertahankan dari dalam kerajaan. Di pihak lain, bagi GERAKAN yang sebelum ini berjuang atas ideologi kepelbagaian bangsa dan budaya, kesediaan parti ini untuk menerima masuk pendidik-pendidik Cina merupakan satu perubahan dalam strategi perjuangan politiknya yang semakin menonjolkan imej kecinaan demi merayu sokongan komuniti Cina.

Jelas bahawa keanggotaan pendidik-pendidik Cina ke dalam GERAKAN adalah untuk merealisasikan konsep Tiga Gabungan Utama. Namun, keputusan ini membangkitkan reaksi yang negatif daripada sesetengah parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina, terutamanya DAP, seperti yang disentuh sebelum ini. Hakikat bahawa Dong Jiao Zong mengetepikan DAP dan sebaliknya memilih Gerakan sebagai saluran perjuangan politiknya sememangnya tidak dapat dimaafkan oleh DAP. Hal ini menyebabkan DAP berpaling tadah dan menentang calon-calon Dong Jiao Zong dalam Pilihan Raya 1982. Dua orang tokoh pendidik Cina, iaitu Kerk Choo Ting dan Koh Tsu Koon, telah dicabar oleh calon-calon DAP. Kerk Choo Ting ditentang oleh Dr. Tan Seng Giaw di kawasan Parlimen Kepong, Wilayah Persekutuan. Manakala Koh Tsu Koon ditentang oleh Chian Heng Kai di kawasan Parlimen Tanjung, Pulau Pinang. Akhirnya, Kerk Choo Ting tertewas, manakala Koh Tsu Koon hanya memperoleh kemenangan yang tipis. Keputusan ini selain menandakan kegagalan konsep Tiga Gabungan Utama yang dipelopori oleh Dong Jiao Zong. Ini juga menunjukkan betapa terjejas dan renggangnya hubungan antara Dong Jiao Zong dengan DAP (Foo Wan Thok, 23 Jun 1993). Dalam satu pernyataan yang dikeluarkan oleh Dong Jiao Zong selepas Pilihan Raya 1982, Dong Jiao Zong mendakwa bahawa percanggahan pendapat antara parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina menunjukkan hakikat bahawa parti-parti politik ini lebih mengutamakan kepentingan parti daripada kepentingan komuniti Cina dan hal ini telah menyebabkan kegagalan Tiga Gabungan Utama (Jiao Zong 33nian Bianji Shi, 1987: 598).

Sesungguhnya, penglibatan Dong Jiao Zong secara tidak langsung dalam arena politik pada tahun 1982 merupakan satu garis pemisah yang signifikan dalam sejarah gerakan Dong Jiao Zong. Penglibatan ini didukung oleh dua strategi politik yang saling melengkapi. Pertama, percubaan untuk menjalin Tiga Gabungan Utama, dan kedua, menyokong pendidik-pendidik Cina memasuki GERAKAN. Strategi pertama gagal kerana berlaku persaingan dan “outbidding” yang begitu sengit antara parti-parti politik berasaskan sokongan komuniti Cina yang menggunakan isu-isu pendidikan Cina untuk kepentingan parti masing-masing. Strategi kedua melibatkan dua orang pendidik Cina yang bertanding dalam Pilihan Raya 1982 di bawah

tajaan Dong Jiao Zong¹⁶. Persoalannya, adakah strategi kedua ini diterima baik oleh komuniti Cina? Sekiranya ditinjau berdasarkan keputusan Pilihan Raya 1982, boleh disimpulkan bahawa tahap sokongan komuniti Cina terhadap strategi kedua ini agak berbelah bahagi. Biar apa jua hasil yang dicapai oleh kedua-dua strategi ini, jelas bahawa Dong Jiao Zong cuba melepaskan dirinya daripada kongkongan peranan sebagai sebuah kumpulan pendesak yang semata-mata mendesak dan menuntut dari luar kerajaan. Hal ini demikian kerana mereka menyedari matlamat untuk mengekalkan pendidikan Cina tidak dapat dicapai sekiranya hanya sekadar menentang dasar-dasar kerajaan. Oleh itu Dong Jiao Zong menukar strategi kepada melibatkan diri dalam perancangan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan pendidikan dengan tujuan dapat mengekalkan pendidikan Cina. Sekali lagi, fenomena ini menunjukkan bahawa disebabkan oleh perubahan persekitaran yang berubah-ubah, Dong Jiao Zong telah membuat banyak perubahan dalam pengurusan strategi perjuangan supaya dapat mencapai matlamat organisasinya.

Penglibatan Dong Jiao Zong secara tidak langsung dalam arena politik merupakan salah satu strategi perjuangan. Perubahan kepelbagaian strategi perjuangan ini adalah dipengaruhi oleh persekitaran politik yang berbeza pada tempoh-tempoh tertentu. Misalnya impian Dong Jiao Zong untuk mencapai Tiga Gabungan Utama gagal, namun kegagalan ini merupakan satu hakikat yang tidak dapat dielakkan. Ini kerana sememangnya sukar bagi pakatan ini untuk mempengaruhi persekitaran politik yang tidak menentu dan sentiasa berubah-ubah. Walau bagaimanapun, di pihak lain, dengan kemasukan beberapa orang pendidik Cina ke dalam parti politik kerajaan GERAKAN, Dong Jiao Zong mempunyai saluran perjuangan politik yang tersendiri. Justeru itu, berbeza daripada tahun 1960-an yang memperlihatkan bagaimana Dong Jiao Zong terpaksa bergantung kepada pemimpin-pemimpin MCA. Desakan dan tuntutan yang agak sukar disalurkan ke dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar kerajaan. Hal yang demikian tidak menjadi masalah pada masa kini.

Namun, persoalan yang perlu dikaji di sini ialah adakah strategi ini bakal mendatangkan hasil? Beberapa andaian yang berbentuk hipotetikal dapat dibuat. Pertama, hakikat bahawa kerajaan Barisan Nasional masih mengamalkan politik permuafakatan menunjukkan bahawa rundingan pendidik-pendidik Cina dengan kerajaan lebih berkesan daripada desakan dan tuntutan dari luar semata-mata. Peranan Dong Jiao Zong selama ini yang hanya bergantung pada desakan dan tuntutan dari luar tidak mendatangkan hasil yang diharap-harapkan, sebaliknya menegangkan hubungan etnik di negara ini. Berbanding dengan cara berkonfrontasi, rundingan di sebalik tabir untuk mencari konsesus adalah lebih berkesan dan boleh mengelakkan kebangkitan sebarang sentiment-perkauman yang tidak sihat seperti bahasa dan pendidikan. Walau bagaimanapun, kemungkinan pendidik-pendidik Cina tidak dapat menuntut sesuka hati juga perlu dibangkitkan. Ini kerana pada hakikatnya, kuasa tawar-menawar sesebuah parti politik dalam kerajaan campuran banyak dipengaruhi oleh kuasa politiknya. Memandangkan GERAKAN berkedudukan subordinat dalam kerajaan Barisan Nasional, maka agak sukar bagi mereka membuat tuntutan secara melulu terhadap sesuatu isu yang terletak di luar rangka persetujuan orang Melayu seperti memansuhkan dasar-dasar yang sedia ada. Pendidik-pendidik Cina mungkin boleh mengurangkan penyelewengan dari segi pelaksanaan dasar pendidikan seperti dalam isu 3M. Di samping itu, pendidik-pendidik Cina juga boleh memastikan agar perakuan-perakuan Akta Pelajaran 1961 yang kurang disenangi oleh Dong Jiao Zong seperti Fasal 21(2) dan Fasal 26(A)1 dapat dipinda atau sekurang-kurangnya tidak dilaksanakan.

¹⁶ Temu bual dengan Encik Quek Suan Hiang pada 13 Mac 2011.

Kedua, hakikat bahawa Dong Jiao Zong memilih parti politik kerajaan, iaitu GERAKAN, dan bukan parti politik pembangkang untuk menjadi saluran perjuangan politiknya menunjukkan bahawa Dong Jiao Zong telah sedar bahawa adalah berkesan untuk bekerjasama dengan parti politik dalam kerajaan berbanding dengan parti politik pembangkang. Seandainya Dong Jiao Zong memilih parti politik pembangkang sebagai saluran perjuangan politiknya, Dong Jiao Zong hanya boleh mendesak dari luar dan tidak dapat mempengaruhi keputusan kerajaan dari dalam. Sudah tentu hal ini tidak dapat menjayakan peranan dalam pengekalan pendidikan Cina. Ketiga, dengan penglibatan secara tidak langsung dalam arena politik, strategi perjuangan Dong Jiao Zong adalah lebih menyeluruh dan bersifat serampang dua mata. Dong Jiao Zong masih mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah kumpulan pendesak di luar kerajaan. Dengan ini, mereka tetap dapat memobilisasikan sokongan petubuhan-petubuhan Cina terhadap usul-usul perjuangannya. Perbezaannya daripada keadaan sebelum ini ialah desakan dan tuntutan Dong Jiao Zong boleh disahut oleh pendidik-pendidik Cina yang berada dalam kerajaan. Keempat, sekiranya Dong Jiao Zong memilih untuk terlibat secara langsung dalam arena politik, hal ini tidak akan diterima baik oleh orang Melayu kerana selama ini, Dong Jiao Zong didakwa oleh orang Melayu sebagai sebuah kumpulan yang bersifat caivinistik.

Jelas bahawa perubahan dalam paradigma peranan politik Dong Jiao Zong merupakan satu perubahan yang cuba mempelbagaikan amalan operasi peranan politiknya. Ini memandangkan peranannya sebagai sebuah kumpulan pendesak selama ini tidak mendatangkan hasil yang diharap-harapkan. Dengan perubahan ini, Dong Jiao Zong berharap dapat memobilisasikan sokongan komuniti Cina terhadap peranan politiknya untuk mempertahankan dan mengekalkan pendidikan Cina di negara ini.

Strategi Konsep Dua Barisan

Kehadiran Parti Semangat 46 dalam arena politik Malaysia memainkan peranan yang amat penting untuk menggerakkan aktivis pendidikan Cina menyertai parti pembangkang. Kewujudan parti Semangat 46 berpunca daripada perbalahan antara Regu A dan Regu B dalam kalangan ahli UMNO. Perbalahan bertambah rumit apabila sekumpulan 11 orang ahli UMNO membawa isu pemilihan parti itu ke Mahkamah Tinggi dan keputusannya UMNO diisytiharkan sebagai parti yang tidak sah. Selepas itu, dalam perlumbaan untuk mendaftarkan UMNO semula, Dr. Mahathir Mohamad berjaya menubuhkan UMNO (baru) pada 15 Februari 1988. Manakala Tengku Razaleigh Hamzah pula menubuhkan Parti Semangat 46 pada Jun 1988.

Kewujudan Parti Semangat 46 dalam arena politik memberi satu harapan baharu kepada pemimpin Dong Jiao Zong untuk menguatkan kuasa politik barisan pembangkang di Malaysia. Harapan mereka bertambah cerah apabila Parti Semangat 46 sanggup menerima perjuangan aktivis pendidikan Cina dan Huatuan dalam soal menegakkan hak asasi rakyat, sistem demokrasi serta menentang sebarang penyelewengan dalam pemerintahan. Misalnya aktivis pendidikan Cina iaitu Kua Kia Soong menyatakan bahawa dengan kelahiran Parti Semangat 46, konsep “Sistem Dua Barisan” menjadi jelas berbanding dengan kerjasama pembangkang yang wujud sebelum ini. Selain itu, persetujuan Parti Semangat 46 untuk menawarkan lebih daripada sepuluh kerusi pilihan raya kepada aktivis pendidikan Cina dan Huatuan untuk bertanding telah meningkatkan keyakinan mereka untuk menguatkan parti pembangkang. Kejayaan Tengku Razaleigh Hamzah menggembelng tenaga pembangkang khususnya antara PAS dan DAP dengan membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat yang kelihatan mampu memberi persaingan hebat kepada Barisan Nasional (BN) turut menyebabkan aktivis pendidikan Cina percaya kuasa pembangkang dapat ditingkatkan.

Pada masa yang sama, sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Hak Sivil Persatuan Cina Malaysia, Dong Jiao Zong di bawah kepimpinan Lim Fong Seng dengan tegas menyokong dan menyebarkan konsep sistem dua barisan sebagai platform yang lebih menguntungkan perkembangan demokrasi di negara ini. Keadaan ini nyata sekali menunjukkan bahawa pendirian politik Lim Fong Seng semakin matang, berbanding dengan sokongannya kepada lapan orang pemimpin pendidikan Cina yang menyertai parti GERAKAN pada tahun 1982, untuk "membetulkan dasar pendidikan Barisan Nasional dari dalam". Pada tahun 1990, setelah melalui operasi *Internal Security Act* (ISA), di samping terdedah kepada pelbagai kemelut politik negara, Lim Fong Seng kian menyedari monopoli dan hegemoni UMNO dalam kerajaan Barisan Nasional. Lim Fong Seng juga menyedari kelemahan parti pembangkang untuk mencabar UMNO dan Barisan Nasional yang merupakan punca utama gerakan sivil dan hak asasi manusia negara ini semakin susut. Ini menyebabkan ruang bagi gerakan bahasa, pendidikan dan kebudayaan pelbagai kaum kian menjadi sempit dan tertekan. Kali ini, Lim tidak menghadkan kempennya di bidang pendidikan atau bidang hak sivil, tetapi turut merangkumi politik. Secara terus-terang Lim Fong Seng mengisytiharkan bahawa 24 orang pemimpin dari gerakan pendidikan menyertai DAP untuk menguatkan parti pembangkang, dan mengimbangi sistem demokrasi negara ini yang terlalu condong kepada parti pemerintah. Tindakan yang cukup berani ini amat mengkagumkan. Sim Mou Yu, bekas pengerusi Jiao Zong (1966-1994) menggelarkannya sebagai "pemberontakan hak sivil". Tindakan 24 orang pemimpin gerakan pendidikan Cina ini mendapat liputan utama semua akhbar Cina arus perdana. Sungguhpun "pemberontakan" kali ini tidak mencapai matlamatnya, namun ia sebenarnya merupakan pelopor kepada Sistem Dua Barisan yang terbentuk selepas tertubuhnya Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) menjelang Pilihanraya Umum 1990, dan Barisan Alternatif (BA) pada pilihan raya umum 1999. Kini, konsep Sistem Dua Barisan kian mendapat perhatian dan sambutan daripada rakyat negara ini apabila mereka memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat. Pakatan Rakyat terdiri daripada Parti Keadilan, PAS dan DAP khususnya pada pilihan raya umum ke-12, 8 Mac 2008 dan juga 5 Mei 2013¹⁷. Akibatnya, Pakatan Rakyat (Barisan Alternatif) berjaya memenangi majoriti di lima buah Kerajaan Negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Perak.

Konsep Sistem Dua Barisan yang menjadi popular selepas 8 Mac 2008 di negara ini sebenarnya dikemukakan oleh Jawatankuasa Nasional Hak Sivil Persatuan-persatuan Cina pada tahun 1986 untuk mematahkan hegemoni politik perkauman UMNO dan Barisan Nasional. Menurut Lim Fong Seng, Timbalan Pengerusi jawatankuasa tersebut: "Konsep Sistem Dua Barisan yang dianjurkan oleh jawatankuasa tersebut bertujuan agar sistem demokrasi di negeri kita dapat berkembang dengan lebih sihat. Hal ini demikian hanya setelah terbentuknya dua barisan yang seimbang dan mampu mengambil alih kuasa politik daripada satu sama lain. Hasilnya, barisan yang berkuasa akan berlaku secara lebih demokratik dan lebih liberal, dan hasrat rakyat barulah dapat dihormati". Pada peringkat ini, konsep Sistem Dua Barisan yang menuntut dengan persaingan positif antara dua barisan yang seimbang dan mampu menawan kuasa politik antara satu sama lain. Keadaan ini dapat memberi sumbangan dalam proses pendemokrasian dan liberalisasi negara kita, meskipun dalam hubungan demokrasi kapitalis atau borjuis.

¹⁷ Temu bual dengan Dr. Yap Xin Tian pada 18 Januari, 2011.

Strategi Dasar Berkecuali

Kekecewaan dalam politik berparti ini menyedarkan Dong Jiao Zong bahawa ia bukanlah satu saluran yang berkesan bagi manifestasi perjuangannya. Oleh itu, pada tahun 1995, Dong Jiao Zong menukarkan strateginya kepada sikap neutral dengan tidak menyokong mana-mana parti politik. Dengan ini, Dong Jiao Zong melaungkan satu lagi pendekatan yang terbaharu iaitu strategi “Mengatasi parti politik, tetapi tidak melampaui isu politik”. Strategi ini didapati sangat berkesan dan terus digunakan sehingga hari ini (2015). Menjelang Pilihan Raya Umum ke-11, Dong Jiao Zong mengumumkan bahawa kedua-dua badan pendidikan itu akan mengambil sikap berkecuali.

Menurut Yap Sin Tian, adalah bijak untuk Dong Jiao Zong memperkenalkan dan menggunakan strategi ini. Hal ini demikian kerana memang tidak dapat dielakkannya dalam komuniti Cina, terdapat pihak yang menyokong sesuatu parti. Sebagai contohnya MCA ataupun GERAKAN, tetapi pada masa yang sama, terdapat juga pihak yang menyokong DAP ataupun parti pembangkang. Hal demikian juga berlaku dalam organisasi Dong Jiao Zong sendiri. Pemimpin-pemimpin atau tokoh-tokoh Dong Jiao Zong juga mempunyai perspektif dan sokongan masing-masing terhadap parti-parti politik. Keadaan yang sedemikian pasti akan membawa kepada pergaduhan dalam mesyuarat. Setiap individu yang menyokong sesuatu parti itu pasti mempunyai pandangan kepartiannya sendiri, yang mungkin berbeza-beza. Jika setiap individu yang terlibat dengan sesuatu parti itu masing-masing ingin mempertahankan ataupun mahu menonjolkan jasa atau hal berkaitan dengan partinya, ini tentulah menimbulkan ketegangan. Justeru itu, peranan Dong Jiao Zong hanya khusus untuk isu-isu pendidikan. Semua pihak tidak kira mana-mana parti pun hendaklah mematuhi peraturan ini dan hanyalah mempertahankan untuk kepentingan pendidikan komuniti Cina dan mengabaikan kepentingan politik atau parti politik. Itulah yang dimaksudkan dengan mengatasi parti politik. Walau bagaimanapun, oleh sebab isu pendidikan selalunya berkaitan dengan politik ataupun tidak dapat dielakkan daripada arena politik, jadi Dong Jiao Zong menegaskan bahawa ia tidak melampaui isu politik. Dengan kata lain, ia bukan satu isu perkauman, tetapi merupakan isu pendidikan dan berkaitan dengan politik.

Satu ciri unik komuniti Cina ialah mereka sangat mementingkan pendidikan, terutamanya bahasa ibunda. Ke mana mereka pergi, pasti mereka membawa bersama-sama pendidikan bahasa ibunda mereka. Perkara ini mengakibatkan satu fenomena yang agak istimewa dalam komuniti Cina. Semua individu boleh menyertai parti politik yang berlainan, ataupun sebarang organisasi, tetapi apabila berkaitan dengan isu pendidikan, mereka semua akan bersatu dan menyokong dengan sebulat suara. Misalnya, katakan Dong Jiao Zong memerlukan dana untuk membina apa-apa sahaja yang berkaitan dengan pendidikan, ataupun menganjurkan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan, semua pihak tidak ira parti-parti politik atau persatuan-persatuan Cina akan bersetuju dan menyokong¹⁸. Dalam hal ini mereka akan mengatasi pendapat-pendapat yang berlainan.

Strategi Bekerjasama Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Cina (Huatuan)

Selain bekerjasama dengan parti-parti politik pada Pilihan Raya Umum 1982 dan 1990, Dong Jiao Zong beberapa kali berganding bahu dengan Huatuan. Antaranya ialah mengemukakan deklarasi bersama bagi menggesa parti-parti politik mengiktiraf dan merealisasikan permintaan

¹⁸ Temu bual dengan Quek Suan Hiang pada 13 Mac 2011.

mereka. Ini merupakan satu lagi strategi perjuangan Dong Jiao Zong yang berada di bawah payung gerakan pendidikan Cina. Pengemukakan deklarasi menjelang pilihan raya umum ini merupakan tindakan lumrah bagi Non-Governmental Organization (NGO) yang mengutamakan perjuangan melalui 'ruang ketiga' atau masyarakat sivil. Dong Jiao Zong bekerjasama dengan NGO-NGO lain dengan tujuan untuk meningkatkan kuasa tuntutan deklarasi mereka. Antaranya Perisytiharan Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia (PBPCM) 1985 dan Perisytiharan Suqiu 1999 merupakan deklarasi mereka yang paling menonjol. Menjelang Pilihan Raya Umum 1986, pemimpin Dong Jiao Zong bersama dengan pemimpin pertubuhan-pertubuhan utama mengemukakan deklarasi yang dinamakan "Perisytiharan Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia 1985". Dokumen itu mengandungi pelbagai permintaan dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan sosial. PBPCM 1985 digubal oleh pusat penyelidikan Huatuan iaitu *Malaysian Chinese Resource and Research Centre* (MCRRC) dan dimeteraikan oleh 27 buah Huatuan utama yang mewakili 5000 buah Huatuan seluruh Malaysia pada 12 Oktober 1985. Menurut Penganjur PBPCM 1985, dasar kerajaan yang mengutamakan kepentingan kaum Bumiputera sehingga menghakis dan merampas hak-hak asasi kaum bukan Melayu dalam pelbagai bidang menyebabkan masalah polarisasi kaum semakin meningkat. Ini menyebabkan komuniti Cina merasa semakin cemas tentang perkembangan sedemikian dan dihipit oleh pelbagai dilema. Lantaran itu mereka mengemukakan deklarasi tersebut agar parti-parti politik memandang serius tentang masalah yang melanda negara, khususnya terhadap komuniti Cina. Dalam bidang pendidikan, deklarasi ini menuntut semua pihak memandang serius tentang kedudukan istimewa Bahasa Kebangsaan yang dijadikan sebagai alasan mendiskriminasikan atau mengasimilasikan bahasa lain. Deklarasi itu meminta kerajaan melaksanakan dasar persekolahan pelbagai aliran yang sesuai dengan masyarakat pelbagai kaum dan memberi layanan yang adil kepada semua jenis aliran sekolah termasuk memansuhkan perkara 21(2), Akta Pelajaran 1961 (Huatuan Utama 1985:1).

Sebagai satu deklarasi politik yang menyatakan permintaan semua rakyat Malaysia dan dikemukakan menjelang pilihan raya umum, dokumen ini tidak sukar untuk mendapat sambutan baik daripada komuniti Cina dan parti-parti politik. Antara parti politik yang memperakukan PBPCM 1985 ialah MCA, GERAKAN, SUPP, DAP dan PAS. Pada pandangan aktivis Huatuan dan pendidikan Cina, PBPCM 1985 berjaya menampilkan perubahan yang memperincikan permasalahan komuniti Cina itu dari kaca mata seluruh rakyat negara. Tuntutan PBPCM 1985 melampaui kepentingan kaum Cina dan tidak mengikut kerangka komunal lagi. Di sebaliknya tuntutan itu adalah berasaskan suatu perjuangan kesamarataan dalam hak demokrasi dan sivil. Namun agak sukar untuk mengesan keberkesanan yang dibawa oleh strategi ini, khususnya terhadap perkembangan pendidikan Cina. Pada Pilihan Raya Umum 1995 dan 1999, Dong Jiao Zong menyatakan pendirian berkecuali. Dong Jiao Zong yang berada di bawah kepimpinan baharu mengubah strategi perjuangannya selepas kegagalan perjuangan bekerjasama dengan rakan sekutu parti pembangkang dalam Pilihan Raya Umum 1990. Pemimpin baharu Dong Zong, Quek Suan Hiang dan pemimpin Jiao Zong, Ong Chiow Chuen dikatakan bersikap pragmatik dan lebih bersedia bekerjasama dengan pihak berkuasa dengan mengutamakan strategi berdialog serta bertoleransi dengan pihak berkuasa. Ini menggambarkan bahawa mereka menaruh kepercayaan semula kepada politik kompromi MCA dan GERAKAN. Ini kerana berikutan kerajaan melaksanakan dasar pendidikan yang lebih anjal dan pemimpin MCA turut menunjukkan sikap yang positif dan proaktif untuk berdialog dengan Dong Jiao Zong dan Huatuan. Oleh sebab itu, sepanjang dekad 1990-an, isu pendidikan Cina tidak setegang tahun-tahun sebelum itu. Sungguhpun masih terdapat pertentangan pendirian atas pelaksanaan sesetengah dasar pendidikan, namun pertentangan itu dapat diredakan kerana kerajaan menawarkan ruang penyesuaian tertentu kepada pendidikan Cina. Dalam keadaan yang begitu memihak kepada

perkembangan pendidikan Cina, kenapakah Dong Jiao Zong tetap mengamalkan strategi bekerjasama dengan Huatuan yang lain untuk mengemukakan Suqiu yang menimbulkan perbalahan?¹⁹

Menurut Ong Chiow Chuen, terdapat tiga faktor utama yang menggalakkan Suqiu, iaitu perubahan pelaksanaan dasar kerajaan dan iklim politik semasa dan keinginan meneruskan perjuangan PBPCM 1985²⁰. Selaras dengan tindakan kerajaan yang menunjukkan hasrat menjalankan dasar yang lebih liberal, Dong Jiao Zong dan aktivis Huatuan berpendapat bahawa sudah tiba masanya untuk mereka menggalakkan dan memberi sokongan kepada kerajaan meneruskan dasar liberalisasi. Ini bertujuan untuk menawarkan ruang yang lebih kepada perkembangan pendidikan Cina. Oleh itu, mereka bercadang mengemukakan deklarasi yang bernama Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu). Ini merupakan satu dokumen berwawasan untuk melangkah ke arah abad ke-21. Dokumen ini merangkumi isi dan bidang yang lebih menyeluruh serta bersifat futuristik, mendukung aspirasi untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu, demokratik, liberal, bertoleransi, progresif, adil, makmur dan penyayang, setimpal dengan semangat dalam Wawasan 2020 yang diutarakan oleh Perdana Menteri (Jawatankuasa Suqiu 2002:120-121). Dari segi pendidikan, cadangan Suqiu turut menampakkan sifat mementingkan keadilan, demokratik dan futuristik seperti melahirkan rakyat yang dapat menguasai pelbagai bahasa agar dapat menghadapi cabaran global. Misalnya Jawatankuasa Suqiu menggesa kerajaan melaksanakan dasar pendidikan yang progresif dan liberal dengan meminda Akta Pendidikan 1996 untuk menjamin penggunaan, pengajaran serta perkembangan bahasa ibunda semua komuniti etnik negara ini. Kerajaan juga digesa memasukkan kelas bahasa ibunda ke dalam kurikulum formal Sekolah Menengah Kebangsaan seandainya terdapat sekurang-kurangnya lima orang pelajar dari mana-mana kumpulan etnik (Jawatankuasa Suqiu 2002). Semua ini merupakan tuntutan sejagat tanpa menumpukan hanya kepada komuniti atau etnik tertentu sahaja.

Dari segi lain, perkembangan politik semasa turut menyumbang kepada pengemukaan Suqiu. Memandangkan peristiwa pemecatan Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim membawa impak yang begitu besar kepada politik semasa, komuniti Cina khususnya aktivis Dong Jiao Zong dan Huatuan secara umumnya tidak menunjukkan minat yang besar untuk melibatkan diri dalam gerakan reformasi yang dianjurkan oleh pengikut Anwar Ibrahim. Ini mungkin kerana kes Anwar Ibrahim dianggap sebagai pergelutan kuasa dalaman UMNO. Walau bagaimanapun, aktivis-aktivis ini beranggapan bahawa mereka perlu membuat sesuatu agar suara komuniti Cina dapat didengar oleh semua pihak. Idea penggubalan Suqiu dicetuskan pada bulan Mei 1999 oleh *Civil Rights Committee* (CRC) yang turut menjadi perancang utama "PBPCM 1985" dan "Perisytiharan Bersama Huatuan 1990". Maka, tidak menghairankan deklarasi sebegini dikemukakan berikutan perkembangan politik memihak kepada tuntutan NGO. Hal yang demikian juga adalah sesuatu tindakan lumrah NGO menjelang Pilihan Raya Umum.

Tuntutan Suqiu merupakan suatu tindakan lanjutan atau kesinambungan daripada tindakan pengemukaan PBPCM pada tahun 1985. Pandangan sedemikian ada kebenarannya memandangkan matlamat, isi kandungan, bentuk dan semangat yang terkandung dalam Suqiu 1999 itu tidak begitu banyak bezanya dengan PBPCM 1985. Tambahan pula, kedua-dua perisytiharan ditaja oleh kumpulan aktivis yang sama. Apa yang paling penting ialah pengemukaan PBPCM 1985 merupakan detik permulaan komuniti Cina, khususnya Dong Jiao

¹⁹ Temu bual dengan Dr. Yap Xin Tian pada 18 Januari, 2011.

²⁰ Temu bual dengan Ong Chiow Chuen pada 6 Oktober 2010.

Zong dan Huatuan mempersepsikan permasalahan mereka dari kaca mata seluruh negara dan tidak lagi mengikut kerangka komunal. Pendirian dan perjuangan yang berlandaskan kesamarataan hak demokrasi dan sivil tanpa menonjolkan kepentingan sesuatu kaum sahaja dapat disaksikan dalam perjuangan mereka selepas itu termasuk dalam Suqiu. Pegangan sedemikian telah menjadi salah satu faktor penting aktivis Dong Jiao Zong dan Huatuan mengemukakan pengisytiharan Suqiu itu. Ini bagi membolehkan kerajaan untuk melaksanakan dasar yang mengambil kira kepentingan seluruh rakyat tanpa mengira keturunan dan berlandaskan kesamarataan hak demokrasi dan sivil. Isu Suqiu dibincangkan di sini kerana ia mempunyai hubungan yang rapat dengan perjuangan gerakan pendidikan Cina. Antaranya Dong Jiao Zong tampil untuk menerajui Jawatankuasa Suqiu dan Pengerusi Dong Zong, Quek Suan Hiang dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa tersebut. Ibu pejabat Dong Jiao Zong pula dijadikan sebagai salah satu pusat sekretariat utama Suqiu. Cendekiawan, aktivis pendidikan Cina dan birokrat Dong Jiao Zong turut terbabit dalam usaha untuk menyediakan Suqiu. Sungguhpun Suqiu ini hanya dikemukakan oleh 11 buah pertubuhan Cina, namun pelancarannya mendapat sambutan hangat seperti diiktiraf oleh 2095 buah Huatuan dari seluruh negara. Sambutan hangat ini menunjukkan bahawa tuntutan Suqiu memang memenuhi keinginan Huatuan dan komuniti Cina. Walau bagaimanapun, Suqiu ini menjadi isu kontroversi dan mendapat tentangan hebat daripada UMNO, terutama Pemuda UMNO setahun kemudian. Mereka menentang Suqiu kerana merasa tuntutan tersebut mencabar hak istimewa Bumiputera. Perbalahan isu Suqiu selalu dilihat sebagai suatu tindakan yang sengaja dicetuskan untuk kepentingan kumpulan pemimpin UMNO. Situasi ini bagi mendapat sokongan orang Melayu semula lantaran kes pemecatan Anwar Ibrahim dan kehilangan banyak kerusi dari kalangan calon UMNO dalam Pilihan Raya Umum 1999. Pada asasnya pengakuan semua parti politik yang berasaskan komuniti Cina dan juga PAS menggambarkan kejayaan awal Suqiu. Namun, memandangkan pengakuan parti-parti politik itu selalunya berlandaskan pertimbangan kepentingan politik, maka amat sukar untuk mengenal pasti keberkesanan yang sebenar dibawa oleh pengumuman Suqiu itu.²¹

Strategi Melangkaui Batasan Perkauman

Untuk mencapai peranan yang lebih berkesan, Dong Jiao Zong menyedari bahawa gerakan pendidikan Cina harus melepasi batasan komuniti Cina dan menceburkan diri dalam komuniti bukan Cina. Sememangnya isu dan perjuangan pendidikan Cina harus mendapat pengiktirafan dan sokongan daripada komuniti bukan Cina. Tujuannya agar pendidikan tidak dianggap sebagai isu perkauman. Lantaran itu, Dong Jiao Zong mulai memainkan peranan proaktif untuk mempopularkan sekolah Cina dalam kalangan komuniti Melayu dan India dan menawarkan ruang yang lebih banyak kepada pelajar bukan Cina melanjutkan pelajaran mereka di SJK (C), dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Cina. Usaha dan kerja publisiti harus diutamakan untuk menyedarkan ibu bapa kaum bukan Cina bahawa masalah pendidikan Cina sebenarnya merupakan masalah pendidikan anak-anak mereka dan tidak harus dilihat dari perspektif perkauman. Dong Jiao Zong sedang merancang untuk menubuhkan “unit publisiti pelbagai bahasa” untuk menyebarkan maklumat pendidikan Cina kepada komuniti lain supaya golongan bukan Cina tidak berpandangan sempit terhadap usahanya. Sebenarnya kebanyakan orang Melayu tidak menentang orang Cina mempelajari bahasa ibunda mereka. Hanya segelintir ahli politik yang suka melaungkan isu pendidikan demi meraih kepentingan politik yang sanggup berbuat demikian. Kata mantan Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz bahawa orang Melayu tidak suka orang lain menghadkan bahasanya, kaum Cina dan India juga mempunyai perasaan yang sama, maka mereka harus diberikan peluang untuk menggunakan bahasa ibunda mereka.

²¹ Temu bual dengan Dr. Yap Xin Tian pada 18 Januari, 2011.

Sementara itu, gerakan pendidikan Cina juga meningkatkan perjuangan mereka untuk kepentingan bersama masyarakat pelbagai kaum dan mengeratkan hubungan dengan semua pihak, termasuk pemimpin politik pelbagai parti dan NGO bukan Cina agar semua pihak mempunyai persepsi yang positif atas perjuangan mereka. Aktiviti bersama dengan NGO etnik lain khususnya dengan NGO pendidikan Melayu seperti Koperasi Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat Berhad (KGMMB), Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) dan lain-lain yang sering bertentangan dengan pendirian Dong Jiao Zong juga akan diperbanyak agar perjuangannya diiktiraf oleh masyarakat berbilang kaum. Tambahan pula, perjuangan gerakan pendidikan Cina juga berlandaskan NGO atau pergerakan sivik dan bergerak cergas di ruang ketiga. Pendirian yang dipegang adalah “Mengatasi parti politik, tetapi tidak melampaui isu politik” untuk mengelakkan perbalahan dengan parti-parti politik atau diperdaya oleh parti-parti politik tertentu.

Selain itu, Dong Jiao Zong sudi memainkan peranan tertentu seperti membantu kerajaan memperkembangkan pengajaran bahasa Cina di SK, SMK dan IPTA dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua yang berkesan. Tujuannya ialah agar lebih ramai pelajar bukan Cina dapat menguasai bahasa Cina. Sebenarnya rancangan ini giat dirancang oleh Dong Jiao Zong. Memandangkan bahasa Cina semakin penting di kaca mata dunia disebabkan oleh kemunculan kuasa negara China, Pengerusi Dong Zong, Yap Sin Tian mengatakan bahawa rancangan “Pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua” akan menjadi salah satu bidang penerokaan utama Dong Jiao Zong dan diharap dapat memupuk persefahaman dan kerjasama semua kaum. Dengan sumbangan dan kerjasama yang ikhlas daripada Dong Jiao Zong, diharap kerajaan akan mengubah pendiriannya dan melihat perkara perkembangan pendidikan Cina dari aspek kebaikan negara dan tidak lagi sebagai cabaran atau halangan kepada perkembangan Bahasa Melayu. Dengan kata lain, Dong Jiao Zong kini memainkan peranan sebagai sebuah NGO yang tidak berasaskan satu kaum sahaja untuk memastikan kerajaan melaksanakan dasar yang memenuhi kehendak semua rakyat.

Penutup

Selaras dengan peranannya sebagai kumpulan pendesak, Dong Jiao Zong telah merancang dan mencuba beberapa strategi agar dapat memainkan peranannya dalam pengekalan pendidikan Cina. Secara amnya, strategi-strategi perjuangan yang pernah dilaksanakannya adalah seperti “Menyokong parti-parti politik melalui konsep Tiga Gabungan Utama”, “Menglibatkan diri secara langsung melalui penglibatan tokoh-tokoh Dong Jiao Zong dalam parti GERAKAN”, “Menggalakkan konsep sistem dua barisan”, bekerjasama dengan huatuan, strategi “Mengatasi parti politik, tetapi tidak melampaui politik” (dasar berkecuali) pada masa kini dan akhirnya mengamalkan strategi “Melangkaui batasan kaum”. Kesemua strategi ini berkaitan rapat dan tidak berasingan, malahan sentiasa bertindih antara satu sama lain. Contohnya, semasa mengumumkan pelaksanaan dasar berkecuali pada tahun 1995, Dong Jiao Zong juga mengamalkan dasar bekerjasama dengan Huatuan sebagai kumpulan pendesak melalui Suqiu. Walau bagaimanapun, antara strategi tersebut, Dong Jiao Zong mendapati bahawa dasar berkecualilah yang merupakan strategi paling berkesan dalam peranan merealisasikan matlamat mereka. Hal ini demikian kerana Dong Jiao Zong mendapati sekiranya senario politik berubah, gaya kepimpinan dan strategi Dong Jiao Zong juga harus berubah. Dulu mereka hanya asyik menentang kerajaan, matlamat susah dicapai. Tetapi kalau hanya tunduk dan berpihak kepada salah sebuah parti politik, matlamat juga susah dicapai. Akhirnya Dong Jiao Zong mempraktikkan strategi dasar berkecuali dengan tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Mereka sudi membuat perundingan dengan kerajaan tentang apa-apa dasar yang dapat membawa kemajuan dalam pendidikan negara amnya dan pendidikan Cina khususnya. Dong Jiao

Zong akan menyambut baik kepada apa-apa rancangan, polisi, dasar, aktiviti dan sebagainya yang dirasai membawa kebaikan kepada pendidikan Cina di negara ini sama ada dari parti kerajaan ataupun parti pembangkang. Strategi yang begini didapati paling berkesan dalam merealisasikan matlamatnya. Justeru itu, strategi ini masih digunakan pada hari ini.

Bibliografi

- Abdul Rahman Embong. 2006. *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. (Edisi Kedua). Bangi: Penerbit UKM.
- Abdullah Hassan. 1999. *Asimilasi Bahasa: Satu Tinjauan Terhadap Dasar Pendidikan Bahasa dan Penerimaan Bahasa Melayu di Malaysia Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Zahari Abu Bakar. 1980. *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ahmat Adam 1994. *Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blau, P. M. & Scott, R. W. 1962. *Formal Organizations*. San Francisco: Chandler.
- Burrell, G. & Morgan, G. 1979. *Sociological Paradigms and Organisational Analysis*. England: Heinemann Edu. Books.
- Chai Hon-Chan. 1977. *Education and Nation-Building in Plural Societies: The West Malaysian Experience*. Canberra: The Australian National University.
- Cheong, Yuen Keong. 2013. *Gerakan Pendidikan Cina di Malaysia: Satu Kajian Tentang Perjuangan Dong Jiao Zong (1970-2002)*. Petaling Jaya, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Costain, Anne N. 1992. Social Movement as Interest Groups: The case of the Women's Movement. Dlm. Petraccs, Mark P. *The Political of Interests: Interest Groups Transformed*. Westview Press, (285-307).
- Creswell, J. W. 2009. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods*. U.S.A: Sage Publications.
- Deming, W.E. 1986. *Out of the Crisis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Etzioni, A. 1964. *Modern Organizations*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Incorporated.
- Grant, N. 1971. Education and Language. Dlm. J. Lowe et al. (Ed.). *Education and Nation Building in the Third World*. Edinburgh: Scottish Academic Press, (179-209).
- Guibernau, M. 1996. *Nationalisms: The Nation-state and Nationalism in the Twentieth Century*. Cambridge: Polity Press.
- Hall, R. H. & Tolbert P. S. 2009. *Organizations: Structures, Processes, and Outcomes*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Haris Md Jadi. 1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Saad. 1981. *Pendidikan dan politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kua Kia Soong. 1985. *The Chinese School of Malaysia: A Protean Saga*. Kuala Lumpur: Dong Zong.
- Kua Kia Soong. 1999. *A Protean Saga: The Chinese Schools of Malaysia*. Kajang: Dong Jiao Zong Higher Learning Centre.
- Mackey, W. F. 1992. Mother tongue, other tongues and link languages: What they mean in a changing world. *Prospect* 22(1).
- Mason, R. & Mitroff, I., 1981. *Challenging Strategic Planning Assumptions*. New York: Wiley.

- Meyer, J., Scott, W.R. & Dael, T.E., 1981. Institutional and Technical Sources of Organizational Structure Explaining the Structure of Educational Organizations. Dlm. H.Steen (ed), *Organization*.
- Ramanathan. 1985. *Politik dalam Pendidikan Bahasa 1930-1971*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Renou, G. 1997. Linguistic Diversity & Multilingual Education. Dlm. Kua Kia Soong (ed.). 1998. *Mother Tongue Education of Malaysian Ethnic Minorities*. Kajang: Dong Jiao Zong Learning Center, (11-16).
- Roff, W. R. 1994. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rosazman Hussin & Dayang Suria Haji Mulia. 2002. *Sosiologi Organisasi Kompleks: Teori dan Perspektif*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Rustan Sani. 1992. Ke Arah Pembentukan Satu Bangsa Malaysia. Dlm. Hairany Naffis (pnyt). *Politik Malaysia Dekad 1990an*. (1-17). Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Sains Politik.
- Schermerhorn, 1970. Polarity in the Approach to Comparative Research in Ethnic Relations. Dlm. M. Kurokawa (Ed.). *Minority Responses: Comparative Views of Reactions to Subordination*. New York: Random House, 55-59.
- Sknutnabb-Kangas, T. (1995). Multilingualism and The Education of Minority Children. Dlm. O. Garcia dan C. Baker (Ed.). *Policy and Practice in Bilingual Education*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd., 40-62.
- Sufean Hussin. 1993. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: DBP.
- Syed Husin Ali 1981. *The Malays: The Masalabs and Futur*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Tan Chee Beng. 1988. Nation-Building and Being Chinese in A Southeast Asian State: Malaysia. Dlm. Cushman & Wang Gungwu(pnyt). *Changing Identities of the Southeast Asian Chinese Since World War II: 61-73*. Hong Kong University Press.
- Tan Chee Beng. 1991. Pembangunan bangsa dan identiti orang Cina di Malaysia. Dlm. Cushman & Wang Gung Wu (pnyt). *Perubahan Identitas orang Cina di Asia Tenggara*, (189-223). Jakarta: PT Pustaka
- Tan Liok Ee. 1988. Chinese Independent Schools in West Malaysia: Varying Schools Responses to Changing Demands. Dlm. Cushman & Wang Gungwu (pynt). *Hanging Identities of the Southeast Asian Chinese Since World War II*. 61-73. Hong Kong University Press.
- Tan Liok Ee. 1991. Sekolah Berbahasa Pengantar Cina Mandirin di Malaysia Barat. Dlm. Cushman dan Wang Gung Wu (pnyt). *Perubahan identitas orang Cina di Asia Tenggara*. hlm. 83-101. Jakarta: Pt Pustaka Utama
- Tan Liok Ee. 1992. Dongjiaozong and The Challenge to Cultural Hegemond 1951-1987. Dlm. Fancis Loh Kok Wah & Joel S. Kahn(pnyt). *Fragmented Vision: Culture and Politics in Contemporary Malaysia*. Sydney: Allen & Unwin Pty. Ltd.
- Tan Liok Ee. 1997. *The Politic of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tan Yao Sua, 2005. *Politik Dong Jiao Zong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. 1983. *Race Relations in Malaysia*. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Yap Sin Tian. 1992. *The Chinese School of Malaysia: Towards The Years 2000*. Kuala Lumpur: Dong Zong.

Temu Bual dengan Tokoh-tokoh Dong Jiao Zong

(Tempoh temu bual adalah dari Ogos, 2010 hingga April, 2011)

1. Temu bual dengan Dr. Yap Sin Tian, selaku pengerusi Dong Zong (2005-2015), pada 21 September, 2010 (selasa, 10am), 18 Januari, 2011 (selasa, 10.30am) dan 26 April 2015 (Ahad, 10.30am).
2. Temu bual dengan En. Ong Chiow Chuen, selaku pengerusi Jiao Zong (1994-kini), 6 Oktober, 2010 (Rabu, 2pm)
3. Temu bual dengan En. Quek Suan Hiang, bekas pengerusi Dong Zong (1993-2005), pada 13 Mac, 2011 (Ahad, 1pm)
4. Temu bual dengan Dr. Kua Kia Soong, bekas penolong kanan Dong Zong dan bekas pengetua Kolej New Era, pada 25 Ogos, 2010 (Rabu, 10am),
5. Temu bual dengan En. Loot Ting Yee, bekas timbalan pengerusi Jiao Zong pada 29 September, 2010 (Rabu 10.30am)
6. Temu bual dengan En. Bock Tai Hee, bekas ketua eksekutif Dong Zong, pada 13 Oktober, 2011 (Rabu, 9.30am), 4 Mac, 2011 (Jumaat, 9.30am) dan 4 Mei 2015 (Isnin, 10am).
7. Temu bual dengan En. Chong Wei Chien, penolong kanan pengerusi Dong Zong, 20 Januari, 2011 (Khamis, 10am)
8. Temu bual dengan Dato Hon Choon Kim, bekas Timbalan Menteri Pendidikan pada 14 April, 2011 (Khamis 7pm)
9. Temu bual dengan pensyarah kanan Universiti Malaya, Dr. Chia Hwee Ping, bekas pensyarah kanan Universiti Malaya, pada 2 Jun 2011 (Khamis, 11am).
10. Temu bual dengan bekas pensyarah kanan Universiti Malaya, En. Wong Khek Seng, 14 Jun 2011 (Selasa, 2pm)